

IM4U platform pupuk semangat belia

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Program 1Malaysia for Youth (1M4U) bakal menyediakan platform bagi golongan belia terutama penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) menyertai aktiviti kesukarelawan.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang juga Exco 1M4U, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, antara tujuan utama program yang bakal menjelajah ke seluruh negara tersebut bagi meningkatkan semangat prihatin dan kesejahteraan rakyat khususnya generasi muda.

"Untuk itu kita menyeru belia yang rata-rata terdiri daripada golongan mahasiswa mula mengorak langkah membentuk sebuah masyarakat yang terbuka kepada aktiviti sukarelawan.

"Platform yang disediakan adalah berdasarkan selera belia masa kini yang lebih mengutamakan idea baru generasi Y," katanya ketika merasmikan Majlis Gerak Gempur Aedes di Universiti Putra Malaysia, Serdang dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Penadibiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Hashim Md. Shaari dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, Mohd. Noor Shakil Hameed.

Menurut Irmohizam, objektif



IRMOHIZAM Ibrahim bergotong-royong bersama pelajar Kolej Serumpun, Universiti Putra Malaysia (UPM) semasa Program Gerak Gempur Aedes di UPM, Serdang, Selangor, kelmarin. - UTUSAN/RUSHDI SALLEH

Program 1M4U yang diwujudkan oleh kerajaan antaranya untuk menggalakkan penglibatan golongan belia pelbagai kaum dalam pelbagai aktiviti sukarelawan yang bersifat kenegaraan dan semangat 1Malaysia.

"Sehingga kini, sejumlah 423 IM4U Outreach Centre telah mula beroperasi di seluruh negara. Pendekatan meningkatkan kesedaran persekitaran sihat dalam golongan mahasiswa juga merupakan satu usaha yang harus dipupuk dalam

budaya setempat," katanya.

Beliau berkata, program yang dijalankan ini harus diberi sokongan oleh generasi muda dalam meningkatkan kesedaran terhadap bahaya nyamuk aedes yang mampu membunuh.